

Belanjawan 2021 Menangani Situasi Sukar Dijangka

EKONOMI global bergerak amat perlahan akibat daripada pandemik COVID-19. Di Malaysia misalnya, pertumbuhan ekonomi pada suku kedua pada tahun ini menyusut sebanyak 17.1 peratus, kadar terendah selama dua dekad ini. Oleh itu, banyak penganalisis ekonomi tempatan membayangkan Belanjawan 2021 pastinya berbeza daripada belanjawan yang pernah diumumkan kerajaan sebelum ini.


Pertama, kerajaan akan mencari kaedah terbaik untuk memulihkan ekonomi negara menerusi Belanjawan 2021. Kedua, merangka strategi yang ampuh untuk membantu rakyat dan ketiga memastikan Belanjawan 2021 mampu menjadi asas kepada kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan seterusnya sebagai pemangkin untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Belanjawan 2021 pastinya melibatkan sektor utama negara, antaranya sektor minyak dan gas serta sektor pelancongan negara. Sebagaimana diketahui umum bahawa sektor minyak global mengalami kemerosotan yang cukup ketara. Banyak syarikat minyak global mengalami prestasi yang kurang memberangsangkan pada tahun ini berbanding dengan tahun sebelumnya. Hal ini tidak terkecuali syarikat minyak negara, Petrolim Nasional Berhad (Petronas). Pada suku kedua tahun ini, Petronas telah mencatatkan kerugian sebanyak RM21 bilion. Kerugian ini sedikit banyak memberikan kesan terhadap jumlah pembayaran dividen kepada kerajaan. Pada tahun lalu, sebanyak RM54 bilion dividen diberikan kepada kerajaan, manakala pada awal

tahun ini, Petronas menyatakan akan memberikan sebanyak RM24 bilion dividen kepada kerajaan. Namun begitu, jumlah tersebut mungkin terkesan ekoran pandemik COVID-19 yang menyebabkan harga minyak global berada pada paras rendah terutamanya ketika kebanyakan negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan perintah berkurung.

Bagi memulihkan sektor minyak dan gas negara, kerajaan dilihat tiada cara lain kecuali memberikan pelbagai insentif kepada sektor minyak dan gas terutamanya dari sudut percukaian dan galakan pelaburan. Tidak kurang juga, sektor tenaga negara ini perlu berubah ke arah sektor tenaga yang lestari untuk tempoh jangka masa panjang. Di samping itu, Petronas wajar mengambil tindakan proaktif bagi meningkatkan kecekapan operasi dengan mengurangkan kos dan perbelanjaan syarikat.

Selain itu, sektor pelancongan negara juga dijangka akan menjadi tumpuan dalam Belanjawan 2021. Dalam Belanjawan 2020, kerajaan memberikan penekanan terhadap sektor ini memandangkan tahun 2020 merupakan Tahun Melawat Malaysia (TMM). Sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



(MOTAC) untuk menjayakan TMM. Jumlah peruntukan untuk MOTAC dijangka akan terus meningkat pada tahun 2021 bagi membolehkan sektor pelancongan negara dapat dipulihkan dan seterusnya dirancakkan semula.

Belanjawan 2021 juga dijangka akan memberikan penekanan terhadap pelancongan domestik. Oleh itu, kerajaan dijangka akan memberikan tumpuan kepada syarikat pelancongan dengan mengurangkan kadar cukai syarikat, melanjutkan tempoh penangguhan bayaran ansuran ke atas anggaran cukai yang dibayar dan melanjutkan pengecualian cukai pelancongan hingga penghujung tahun 2021. Di samping itu, pelbagai insentif dijangka akan diumumkan untuk memberikan galakan kepada pelancong agar terus memilih destinasi pelancongan dalam negara. Hal ini cukup penting kerana tanpa sokongan pelancong domestik, adalah sukar untuk merancakkan semula sektor pelancongan. Apatah lagi, sehingga makalah ini ditulis, belum ada tanda-tanda sempadan negara akan dibuka untuk kemasukan pelancong asing. Hal ini diburukkan lagi apabila negara kini berhadapan dengan gelombang ketiga pandemik COVID-19.

Sektor pendidikan negara juga akan menjadi tumpuan pada setiap kali belanjawan tahunan diumumkan oleh kerajaan. Pada tahun lalu, sebanyak RM64.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan. Pada tahun ini, dijangkakan jumlah tersebut mungkin akan meningkat memandangkan wujud keperluan dalam pembinaan infrastruktur untuk pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian serta meningkatkan keupayaan para guru ketika tempoh pandemik COVID-19 belum berakhir.

Kualiti pengajaran dan pembelajaran tidak boleh dikompromikan, meskipun negara kini sedang berusaha untuk keluar daripada pandemik COVID-19.

Pada masa yang sama, pengenalan terhadap sebarang prosedur baharu juga akan meningkatkan lagi tahap pematuhan, seterusnya meningkatkan kos pematuhan. Hal ini tidak termasuk perbelanjaan untuk penyelenggaraan dan menaik taraf sekolah terutamanya sekolah daif. Insentif bantuan juga dijangka akan disediakan kepada pelajar miskin terutamanya bagi ibu bapa yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Rakyat secara individu dijangka akan menerima pelbagai insentif daripada kerajaan menerusi Belanjawan 2021. Sebelum ini, kerajaan telah mengumumkan pelbagai insentif untuk rakyat melalui pakej rangsangan ekonomi, antaranya Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM250 bilion, Pakej Prihatin PKS sebanyak RM10 bilion khusus untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) negara, dan yang terkini Pelan Jana Ekonomi (Penjana) yang bernilai RM35 bilion.

Menerusi pelbagai pakej bantuan kerajaan yang keseluruhannya bernilai RM295 bilion ini, banyak bantuan telah disalurkan kepada rakyat.

Menerusi Belanjawan 2021, diramalkan banyak lagi inisiatif dan insentif yang dijangka diumumkan oleh kerajaan. Hal ini penting untuk membantu kelangsungan kehidupan rakyat Malaysia bukan setakat dalam tempoh jangka masa pendek tetapi juga untuk tempoh jangka masa panjang. Pelbagai insentif yang diumumkan oleh kerajaan dalam pakej ekonomi berkenaan dijangka akan diteruskan dalam Belanjawan 2021. Antaranya bantuan kepada rakyat yang dikategorikan sebagai golongan berpendapatan rendah 40 peratus (B40) berkeluarga dan bujang, serta golongan berpendapatan sederhana 40 peratus (M40) berkeluarga dan bujang. Tumpuan pastinya bagi mereka yang kehilangan pekerjaan dan putus sumber pendapatan. Dana bantuan ini

akan disalurkan oleh pelbagai agensi kerajaan di samping meningkatkan kemahiran atau memberikan kemahiran baharu kepada mereka yang kehilangan pekerjaan, khususnya yang melibatkan kemahiran menggunakan teknologi digital bagi meraih sumber pendapatan baharu.

Kerajaan juga dijangka akan memperincikan belanjawan untuk pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang telah diumumkan pada 29 Ogos lalu. Kecekapan pelaksanaan JENDELA melalui belanjawan yang mencukupi akan meningkatkan kualiti infrastruktur komunikasi Malaysia terutamanya bagi kawasan yang memiliki rangkaian komunikasi digital yang lemah. Era masa hadapan negara banyak bergantung pada kecekapan komunikasi digital yang menghubungkan penduduk dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain termasuklah kawasan luar bandar. Malah peluang pekerjaan yang baharu akan dapat dicipta melalui kecekapan teknologi maklumat dan komunikasi. Insentif terbaharu dijangka akan diumumkan oleh kerajaan bagi melonjak sektor komunikasi digital negara dan pada masa yang sama akan meningkatkan kualiti dan penjaanaan sumber pendapatan rakyat Malaysia.

Pelbagai insentif yang dijangka akan diumumkan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2021 bertujuan untuk mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi yang diunjurkan, iaitu sebanyak 5.5 peratus hingga lapan peratus. Melalui perancangan dan pelaksanaan yang rapi, bukan setakat sasaran 5.5 peratus dapat direalisasikan, bahkan Belanjawan 2021 akan menjadi lonjakan untuk tahun pertama RMK-12 dan WKB 2030. □